



UniSHAMS

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

Dahulu dikenali sebagai Kolej Universiti INSANIAH
Universiti Milik Penuh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SSK Inc.)

IKLAN JAWATAN KOSONG

- 1) PROFESOR PERUBATAN (GRED VK7) / FELO UTAMA KANAN (GRED FU1)
- 2) PROFESOR MADYA PERUBATAN (GRED DU53)
- 3) PENSYARAH KANAN PERUBATAN (GRED DU51)

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) milik penuh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman ingin mempelawa calon-calon warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berminat untuk mengisi kekosongan jawatan seperti yang berikut:

Kumpulan Perkhidmatan	Pengurusan dan Profesional	
Gred Jawatan	1) Profesor Perubatan (Gred VK7) / Felo Utama Kanan (Gred FU1) 2) Profesor Madya Perubatan (Gred DU53) 3) Pensyarah Kanan Perubatan (Gred DU51)	
Bidang	1) Obstetrik dan Ginekologi (O&G) – <i>Obstetrics and Gynaecology</i> (O&G) 2) Pediatrik (<i>Paediatrics</i>) 3) Psikiatri (<i>Psychiatry</i>) 4) Perubatan Keluarga (<i>Family Medicine</i>) 5) Fisiologi (<i>Physiology</i>) 6) Perubatan Dalaman (<i>Internal Medicine</i>) 7) Pembedahan (<i>Surgery</i>) 8) Ortopedik (<i>Orthopaedics</i>)	
Jadual Gaji (Minimum - Maksimum)	1) Profesor Perubatan (Gred VK7) / Felo Utama Kanan (Gred FU1)	RM 7,676.00 - RM 20,592.00
	2) Profesor Madya Perubatan (Gred DU53)	RM 6,251.00 - RM 13,351.00
	3) Pensyarah Kanan Perubatan (Gred DU51)	RM 5,862.00 - RM 12,492.00
Taraf Lantikan	Kontrak / <i>Contract of Services</i> (COS) atau Kontrak / <i>Contract for Services</i> (CFS) bagi calon berumur 60 tahun ke atas	
Tempoh Lantikan	Dua (2) Tahun (COS) / Satu (1) Tahun (CFS)	



SYARAT PERMOHONAN

1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut;

- i. Warganegara Malaysia; **dan**
- ii. Berumur tidak melebihi 65 tahun pada tarikh lantikan; **dan**

2) Kelayakan Lantikan ke Jawatan Pensyarah Kanan Gred DU51

- i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perubatan dan Ijazah Sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; **atau**
- ii. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; **atau**
- iii. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perubatan dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.
- iv. Memiliki sekurang-kurangnya **LIMA (5)** tahun pengalaman sebagai pegawai perubatan di hospital/ pusat perubatan awam/ swasta atau sebagai pensyarah perubatan di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/ Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) atau kedua-duanya sekali; **dan**
- v. Membuktikan kemahiran interpersonal, komunikasi yang baik dan dedikasi yang tinggi sebagai pendidik, terlibat aktif dalam aktiviti penyelidikan, perundingan, penerbitan serta khidmat Masyarakat.

3) Kelayakan Lantikan ke Jawatan Profesor Madya Perubatan Gred DU53

- i. Mempunyai kelayakan di **para 1 dan 2 (i), (ii), (iii); dan**
- ii. Memiliki sekurang-kurangnya **DUA BELAS (12) tahun** tempoh pengalaman berkaitan pegawai perubatan di hospital/ pusat perubatan awam/ swasta atau sebagai pensyarah perubatan di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/ Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) atau kedua-duanya sekali; **dan**
- iii. Membuktikan kemahiran interpersonal, komunikasi yang baik dan dedikasi yang tinggi sebagai pendidik, terlibat aktif dalam aktiviti penyelidikan, perundingan, penerbitan serta khidmat masyarakat; **dan**
- iv. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik atau perubatan yang sangat Istimewa mutunya; **dan**
- v. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan.

4) Kelayakan Lantikan ke Jawatan Profesor Perubatan Gred VK7/FU1)

- i. Mempunyai kelayakan di **para 1 dan 2 (i), (ii), (iii); dan**
- ii. Memiliki sekurang-kurangnya **DUA PULUH (20) tahun** tempoh pengalaman berkaitan pegawai perubatan di hospital/ pusat perubatan awam/ swasta atau sebagai pensyarah perubatan di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/ Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)

- atau kedua-duanya sekali; **dan**
- iii. Membuktikan kemahiran interpersonal, komunikasi yang baik dan dedikasi yang tinggi sebagai pendidik, terlibat aktif dalam aktiviti penyelidikan, perundingan, penerbitan serta khidmat masyarakat; **dan**
 - iv. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik atau perubatan yang sangat Istimewa mutunya; **dan**
 - v. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan.



KAEDAH PERMOHONAN

Calon yang berminat hendaklah mengemukakan permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (*online*) di laman sesawang <https://erekrut.unishams.edu.my/home.php> dan muat naik dokumen-dokumen berkaitan yang disahkan benar pada pautan **Google Form** yang dinyatakan di dalam laman sesawang tersebut.

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Puan Ira Faddila Binti Mohd Yusoff

Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Pejabat Pendaftar

E-mel: unitperjawatan@unishams.edu.my | No. Telefon: 04-4491057



TARIKH TUTUP PERMOHONAN
31 MEI 2025